
 We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

## Silat sekarang pentingkan teknik, fizikal

BERITA HARIAN, 15 July 2000, Page 6

 Article also available on Microfilm Reel NL21956

Printer-Friendly Page

# Silat sekarang pentingkan teknik, fizikal

**KEKUATAN** batin atau amalan kepada kekebalan bukan lagi menjadi ciri aktiviti persilatan moden hari ini.

Generasi silat hari ini lebih mementingkan teknik dan kekuatan fizikal.

Timbalan Presiden Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Encik Abdullah Shafiee Sidik, berkata:

“Persisi tidak menggalakkan ilmu kebatinan di kalangan anggotanya. Pertandingan yang diadakan hanya berasaskan fizikal.

“Amalan kebatinan pernah berlaku di sini sekitar 60-an. Dulu, memang ada seperti silat gayung. Namun, ia tidak lagi wujud di Singapura hari ini. Jika pun wujud, hanya individu tertentu yang ke luar negara untuk mendalami ilmu sedemikian.”

Menurutnya, kini terdapat 45 kerabat persilatan di bawah naungan Persisi dan

tiada satu pun di kalangan anggotanya yang mengamalkan ilmu kebatinan.

Persisi menganggarkan terdapat sekitar 10,000 anggota yang berdaftar di bawah persatuan tersebut.

Menurutnya, tiada anggota Persisi yang terlibat dalam amalan kebatinan seperti kumpulan Al-Ma'unah di Malaysia.

Menurut Encik Abdullah, Singapura mengamalkan peraturan yang ketat bagi penubuhan persatuan persilatan.

Ini kerana setiap persatuan silat perlu mendaftar dengan Persisi sebelum mendapat kelulusan berlatih di balai-balai rakyat.

Balai-balai rakyat juga akan memeriksa dengan Persatuan Rakyat (PA) bagi memastikan persatuan silat itu berdaftar mengikut Unit Kawalan Seni Mempertahankan Diri (Marcun).

“Kewujudan persatuan persilatan di sini agak ketat. Jika seseorang mahu mengamalkan ilmu kebatinan di sini, sukar untuknya mengamalkannya.”